



FEMA

25 Oktober, 2021

DR-4615-NY NR 014

Meja Berita Negeri: (518) 474-8418

Meja Berita FEMA: (202) 322-6071

E-mel: fema-dr4615ny@fema.dhs.gov

Hebahan Berita

FEMA Bertutur dalam Bahasa Anda

NEW YORK – FEMA menyediakan perkhidmatan penterjemahan dan jurubahasa untuk berhubung dan berkomunikasi dengan mangsa-mangsa bencana yang terselamat yang tidak fasih atau tidak boleh berbahasa Inggeris. Pihak FEMA juga mempunyai kakitangan dan teknologi yang dapat membantu pemulihan bencana bagi mereka yang pekak, kurang pendengaran atau kurang penglihatan.

Penterjemahan dibuat berdasarkan Bancian A.S. dan penyelidikan demografi lain.

Di New York, perkhidmatan penterjemahan secara bertulis FEMA membolehkan mesej disampaikan dalam 25 bahasa: Bahasa Albania, Arab, Benggali, Burma, China ringkas, Perancis, Yunani, Gujerat, Kreol Haiti, Ibrani, Hindi, Itali, Jepun, Kirundi, Korea, Melayu, Poland, Portugis, Rusia, Sepanyol, Swahili, Tagalog, Urdu, Vietnam dan Yiddish. Bahasa-bahasa lain boleh ditambah jika diperlukan.

Untuk bencana Taufan Ida di New York, pihak FEMA juga menyiarkan siaran berita dan helaian fakta dalam 25 bahasa di laman web mereka, fema.gov. Juga perkhidmatan jurubahasa telefon mereka mampu berkomunikasi dalam 117 bahasa.

Apabila menghubungi **Talian Bantuan FEMA di 800-621-3362**, mereka yang menggunakan perkhidmatan geganti video (VRS), perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut. Operator Talian Bantuan sedia untuk membantu dari jam 8 pagi hingga 7 malam setiap hari. Tekan 2 untuk Bahasa Sepanyol, tekan 3 untuk jurubahasa yang boleh bertutur dalam bahasa anda.

Anda boleh mengunjungi Pusat Pemulihan Bencana dan bertemu secara langsung dengan kakitangan FEMA dan wakil agensi persekutuan dan negeri lain yang dapat memberikan maklumat mengenai bantuan bencana. Kakitangan FEMA telah dilatih menggunakan perkhidmatan jurubahasa ini.

Mangsa-mangsa bencana yang terselamat yang mungkin mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang terhad akan ditunjukkan panduan pengenalan bahasa dengan frasa “Saya Bercakap Bahasa...” dalam 69 bahasa. Mereka boleh menunjukkan bahasa yang mereka fahami, dan wakil FEMA boleh berhubung dengan jurubahasa yang bertutur dalam bahasa tersebut.

Mangsa-mangsa terselamat yang tinggal di sembilan daerah berikut digalakkan untuk memohon bantuan bencana: **Bronx, Dutchess, Kings, Nassau, Queens, Richland, Rockland, Suffolk and Westchester.**

Untuk maklumat terkini mengenai usaha pemulihan Taufan Ida di New York, layari www.fema.gov/disaster/4615. Ikuti kami di Twitter twitter.com/femaregion2 dan www.facebook.com/fema.

#

Misi FEMA membantu mereka sebelum, semasa, dan selepas bencana